




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (21)
Tarikh : 7 Mac 2025

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan,

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025
KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Pemberian BKKA Tahun 2025 adalah seperti mana Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2025 rujukan **PSUKPP.BPSM.100-1/4/2 (7)** bertarikh **5 Mac 2025**.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKKA seperti berikut:

a) Pembayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i. Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran – Bayaran Khas Kewangan;
- ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2025;
- iii. Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS;

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (3i)
Tarikh : 7 Mac 2025

- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan kenyataan berikut; dan

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya”.

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v. Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) dilaksanakan mulai **10 Mac 2025** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada **11 Mac 2025 sebelum jam 10.00 pagi**.

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2025; dan
- ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dengan melampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKKA adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Awam
B0229306	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Kerajaan & Pekerja Sambilan Serta Tidak Menyandang Jawatan Tetap

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (31)

Tarikh : 7 Mac 2025

4. Tarikh pembayaran BKKA Tahun 2025 adalah pada **19 Mac 2025**. Pembayaran BKKA menjadi tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKKA dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2025. Penyata Kew. 8 hendaklah disediakan dan bayaran BKKA hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkka/mac25